

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan perincian dan perkembangan terkini mengenai Program Agropreneur Muda di bawah Kementerian serta sambutan usahawan terutamanya usahawan muda dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa mengemaskini dan memperbaharui program bersesuaian dengan keperluan semasa. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap Program Agropreneur Muda adalah seperti berikut:
 - i. Permohonan Geran Agropreneur Muda dibuka sepanjang tahun mulai Jun 2020 tanpa melalui 3 fasa permohonan seperti sebelumnya;
 - ii. Program Jelajah Agropreneur Muda ke seluruh negeri yang berkonsepkan *walkabout*, pemantauan, taklimat dan latihan;
 - iii. Kementerian melalui Unit Agropreneur Muda secara aktif menganjurkan kursus-kursus webinar, sesi taklimat Geran Agropreneur Muda dan perkongsian kisah-kisah kejayaan agropreneur muda secara langsung melalui *live streaming* di media sosial;

SOALAN NO : 36

- iv. Penganjuran Klinik Usahawan Agro di setiap negeri bertujuan menyampaikan maklumat berkaitan program dan bantuan insentif yang disediakan oleh Kementerian;
 - v. Penjenamaan semula Skim Pembiayaan Khas agropreneur muda yang lebih mudah dan efektif; dan
 - vi. Perancangan membangunkan Sistem Pembangunan Permohonan dan Pengurusan Geran Agropreneur Muda (e-GAM).
2. Program Agropreneur Muda mendapat sambutan yang amat menggalakkan sejak mula diperkenalkan pada tahun 2016 sehingga kini terutama daripada usahawan muda dari luar bandar.
3. Secara keseluruhannya, seramai 6,401 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan Program Agropreneur Muda dari 1 Januari 2016 hingga 31 Ogos 2020 yang berjumlah RM 114.3 juta seperti berikut:
- | | | |
|----------------------------|---------------|----------------|
| a) Sektor Tanaman | - 2,588 orang | (RM 45.1juta) |
| b) Sektor Perikanan | - 515 orang | (RM 10.9 juta) |
| c) Sektor Ternakan | - 1,246 orang | (RM 26.8 juta) |
| d) Sektor Industri Makanan | - 2,052 orang | (RM 31.5 juta) |

Sekian, terima kasih.